

Perpustakaan universiti rakan strategik pelajar

Azizan Arshad,
Pustakawan
Kanan,
Perpustakaan
Sultan Abdul
Samad,
Universiti Putra
Malaysia (UPM)

Peperiksaan akhir semester menyaksikan lonjakan kehadiran pelajar ke perpustakaan bukan sahaja untuk mengulang kaji dan menyiapkan tugas, bahkan ruang menawarkan ketenangan dan sokongan mental.

Perpustakaan kini turut menjadi ruang sokongan akademik dan psikososial membantu pelajar mengharungi cabaran musim peperiksaan lebih teratur dan berkesan.

Antara kemudahan utama ialah ruang pembelajaran yang pelbagai dan selesa. Perpustakaan harus menyediakan bilik karek bagi pelajar memerlukan tumpuan penuh serta ruang belajar berkumpulan.

Zon senyap perlu diasingkan, manakala ruang terbuka dilengkapi dengan papan putih, skrin pintar dan kemudahan teknologi bagi menyokong aktiviti pembelajaran aktif.

Akses kepada kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta internet stabil menjadi keperluan asas, sedangkan rangkaian Wi-Fi berkelajuan tinggi perlu tersedia di seluruh kawasan perpustakaan kerana kebanyakan tugas dan bahan rujukan boleh diakses secara dalam talian.

Perpustakaan juga perlu menyediakan komputer awam dilengkapi perisian akademik relevan, termasuk aplikasi pemprosesan data dan perisian pengurusan rujukan.

Tidak kurang penting, soket kuasa elektrik mencukupi dan ruang pengecas peranti mudah alih bagi kemudahan pelajar membawa peranti sendiri.

Dalam menyokong keperluan pelajar semasa musim peperiksaan, perpustakaan wajar memanjangkan waktu operasinya, sekurang-kurangnya seminggu sebelum dan sepanjang tempoh peperiksaan.

Beberapa perpustakaan universiti melaksanakan

operasi 24 jam, membolehkan pelajar menggunakannya tetapi ia perlu disertai kawalan keselamatan serta penyediaan ruang rehat sementara kepada pelajar.

Sedia sudut santai dalam perpustakaan

Sokongan terhadap kesejahteraan emosi dan kesihatan mental pelajar juga wajar diberi perhatian. Perpustakaan boleh menyediakan sudut santai dengan elemen muzik lembut atau aromaterapi ringan.

Kerjasama dengan bahagian kaunseling universiti boleh diperluaskan untuk menyediakan sesi sokongan psikologi ringkas agar pelajar mempunyai saluran sesuai untuk meluahkan tekanan atau kebimbangan.

Kemudahan percetakan dan salinan pula perlu berfungsi dengan cekap, mudah diakses serta diselenggara dengan baik bagi mengelakkan gangguan menjejaskan pelajar.

“Perpustakaan bukan sekadar bangunan menyimpan ilmu, tetapi institusi mendampingi perjuangan pelajar dalam dunia akademik”

Sokongan pustakawan termasuk membantu pelajar mencari bahan rujukan dan menyemak gaya penulisan boleh menjadikan mereka sebagai rakan akademik dipercayai dan dihargai.

Bagi pelajar tahun akhir, pustakawan boleh membimbing mereka menyiapkan tesis dan laporan projek sama ada sesi literasi maklumat, bantuan pencarian pangkalan data, atau panduan menulis dan menyusun rujukan mengikut gaya sitasi tertentu.

Perpustakaan juga sering menganjurkan bengkel seperti penggunaan Mendeley, penulisan bibliografi dan strategi carian maklumat, khusus membantu pelajar tahun akhir.

Kita perlu memperkasakan pelajar dengan akses segera kepada sumber rujukan relevan. Koleksi kertas soalan lepas, bahan ulang kaji dan buku teks teras boleh dipamerkan dalam satu zon khas seperti ‘Sudut Persediaan Peperiksaan’.

Akses pangkalan data digital dan e-buku perlu diperluaskan dalam tempoh peperiksaan, termasuk penyediaan senarai bacaan khas oleh pustakawan sebagai panduan pelajar.

Sokongan terhadap gaya hidup sihat juga penting seperti kafe mini atau mesin layan diri menawarkan pilihan makanan sihat dan snek tenaga, manakala kemudahan asas seperti tandas bersih serta ruang solat mencerminkan keprihatinan perpustakaan.

Perpustakaan bukan sekadar bangunan menyimpan ilmu, tetapi institusi mendampingi perjuangan pelajar dalam dunia akademik. Dalam menghadapi musim peperiksaan, perpustakaan tampil sebagai rakan strategik menyediakan ruang pembelajaran kondusif, kemudahan teknologi lengkap dan sokongan insani.